

Pendekatan diplomasi lunak Anwar kukuhkan ASEAN

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memainkan peranan penting dalam meredakan ketegangan bersenjata antara Thailand dan Kemboja yang berlangsung selama lima hari di kawasan sempadan.

Walaupun Thailand pada awalnya enggan menerima campur tangan pihak luar, Anwar memilih pendekatan diplomasi lunak dengan menjalankan rundingan secara tertutup dan menggunakan saluran diplomatik yang halus untuk membina kepercayaan antara kedua-dua pihak.

Hasilnya, satu gencatan senjata segera berjaya dicapai, yang dianggap sebagai pencapaian diplomatik bersejarah serta membuktikan keberkesanan pendekatan tersebut dalam menyelesaikan konflik.

Dalam landskap geopolitik Asia Tenggara yang semakin kompleks, negara-negara di rantau ini berhadapan pelbagai cabaran merentas sempadan. Antaranya termasuk pertikaian wilayah di Laut China Selatan, krisis kemanusiaan seperti di Myanmar, persaingan kuasa besar antara Amerika Syarikat (AS) dan China, isu rentas sempadan serta perubahan iklim yang menambah tekanan terhadap keselamatan dan kerjasama serantau.

Krisis antara Thailand dan Kemboja berpotensi menambah ketegangan dalam landskap geopolitik yang sedia rapuh. Jika tidak ditangani segera, ia boleh menjadi pencetus ketidaktentuan serantau yang lebih besar, khususnya dalam konteks persaingan kuasa besar.

Negara-negara anggota ASEAN tidak seharusnya terlibat dalam sebarang bentuk persengketaan antara satu sama lain kerana asas penubuhan ASEAN berteraskan prinsip perpaduan, kerjasama serantau, serta saling menghormati kedaulatan dan integriti wilayah setiap negara anggota.

Konflik dalaman atau pertikaian dua hala bukan sahaja mencetuskan ketegangan yang boleh mengugat kestabilan politik dan keselamatan serantau, malah turut mencemarkan imej ASEAN sebagai blok

yang bersatu dan berwibawa di peringkat antarabangsa.

Kegagalan menyelesaikan konflik secara damai juga boleh melemahkan kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan ASEAN dalam menangani isu serantau secara kolektif dan berkesan.

Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Anwar menyedari keperluan mengambil tanggungjawab dalam membantu meredakan ketegangan yang berlaku. Pendekatan beliau yang inklusif dan berprinsip telah memperkukuh suara kolektif ASEAN dalam menangani isu-isu sensitif tanpa memecah-belahkan kesatuan serantau.

Kepimpinan Anwar yang konsisten dalam menyelesaikan pertikaian ini meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang matang dalam diplomasi antarabangsa.

Malaysia kini dilihat sebagai negara yang mampu memainkan peranan sebagai orang tengah yang dipercayai dalam menyelesaikan konflik serantau. Pendekatan Anwar yang mengutamakan rundingan tertutup dan tidak konfrontasi membolehkan Malaysia menjadi pengantara yang dihormati. Keupayaan ini terbukti apabila Malaysia berjaya membantu meredakan ketegangan antara negara-negara anggota tanpa mencetuskan konflik baharu.

Pendekatan diplomasi lunak yang dibawa Anwar Ibrahim membuktikan ia mampu menjadi alat yang berkesan dalam menyelesaikan konflik dan membina kepercayaan serantau. Ia bukan sahaja mengangkat imej Malaysia di mata dunia, malah turut memperkukuh kedudukan ASEAN sebagai satu blok yang bersatu, berprinsip dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global.

DR. AHMAD SHAH PAKEER MOHAMED

Pensyarah Kanan,

Diplomasi dan Hubungan

Antarabangsa, Fakulti Sains

Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP)

Universiti Teknologi Mara (UiTM)